


MELANGKAH KE HADAPAN

**Bertahan dan Berkembang Maju
dalam Dunia Pasca COVID-19**



Melangkah ke Hadapan

Bertahan dan Berkembang Maju dalam Dunia Pasca COVID-19



Tiada pengakhiran terhadap ketidakpastian dalam senario kesihatan global menyebabkan kesukaran bagi perniagaan untuk membuat rancangan. Walaupun terdapat persoalan seperti bila kehidupan akan kembali normal dan seperti apa situasi normal baharu akan kelihatan, tindakan ‘tunggu dan lihat’ bukanlah pilihan yang wajar. Sebilangan besar PKS sudah mengambil langkah dan membuat keputusan yang kebanyakannya berkisar pada penerapan teknologi baharu. Digitalisasi bukan lagi pilihan namun merupakan keperluan. Ungkapan ‘terdapat hanya dua jenis perniagaan pada hari ini – perniagaan yang sudah menerapkan digital dan perniagaan yang akan menerapkannya nanti’ semakin meluas dalam internet. PKS perlu membangunkan atau memperkukuh strategi digitalisasi mereka untuk meraih peluang akses pasaran serta kekal relevan dalam perniagaan.

Untuk muncul lebih kuat daripada krisis yang melanda kini, adalah berbaloi bagi PKS meneroka cara model perniagaan mereka dapat menggunakan teknologi digital ke arah pemulihan hijau, iaitu topik yang semakin banyak dibincangkan di Eropah dan China. Sebagai contoh, parlimen Kesatuan Eropah (*European Union*, EU) telah memohon Suruhanjaya untuk mengusulkan pakej pemulihan dan pembinaan semula yang ‘harus ada pada terasnya, Perjanjian Hijau dan transformasi digital bagi memulakan ekonomi’. Di China, cadangan sedang dibuat untuk menggunakan platform digital sebagai platform untuk mempromosikan penggunaan lestari termasuk menjadikan baucar pengguna hijau, sebagai sebahagian daripada pakej pemulihan ekonomi dan pembangunan berterusan bagi sistem kewangan hijau China.

Di peringkat ASEAN, di sebalik krisis COVID-19, terdapat kepentingan baharu terhadap kelestarian. Negara-negara ASEAN telah mengumumkan inisiatif khusus, seperti Thailand tentang strategi sifar karbon, Singapura mengenai belanjawan khas untuk penyelidikan perubahan iklim dan Kemboja tentang objektif untuk mencapai peneutralan karbon. Ringkasan Dasar Institut Penyelidikan CIMB ASEAN (CIMB ASEAN Research Institute, CARI): Penghijauan ASEAN – Ulasan dan Cadangan untuk Langkah-langkah Rangsangan COVID-19, Januari 2021, memberikan beberapa cadangan dasar dalam bidang kelestarian, termasuk rangkuman insentif kewangan untuk perniagaan, terutamanya PKS yang menyumbang kepada ekonomi berkarbon rendah dan pembahagian bantuan bagi firma yang menumpukan kepada tenaga boleh diperbaharui.

Bagi Malaysia, memiliki usaha pemulihan jangka panjang menerusi langkah revitalisasi sistematik adalah sangat penting untuk memperolehi pencapaian yang pantas dan besar dalam konteks pembangunan PKS. Antara langkah yang boleh dipertimbangkan termasuk:

Melaksanakan pensubsidian produktif bagi inovasi inklusif adalah konsisten dengan Konsep Perkebunan Ekonomi (*Economic Gardening Concept*), dengan panel penyedia teknologi atau kemahiran dipilih untuk memperkasa PKS. Contoh yang baik bagi pensubsidian produktif adalah program *Micro Connector* oleh SME Corp. Malaysia. Program ini memberi bantuan yang dipermudahkan untuk perusahaan mikro menubuhkan dan menjalankan perniagaan mereka, serta melatih komuniti B40 untuk memperoleh kemahiran baharu bagi menjana pendapatan menerusi keusahawanan. Salah satu penyedia teknologi di bawah program ini adalah Idea Creative Technology Sdn Bhd yang mencetuskan idea *Warong Rider*, iaitu platform penghantaran baharu yang dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada bulan November 2020. Oleh kerana harga perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan agak berpatutan, pelanggan penyedia teknologi ini telah berkembang daripada tujuan awal untuk membantu penjaja dan peniaga di seluruh Malaysia kepada perniagaan di rumah, perniagaan dalam talian dan PKS.



Mencapai kesan penggandaan perbelanjaan Kerajaan yang disandarkan pada penggunaan teknologi tempatan untuk mengoptimumkan pertumbuhan, merupakan langkah revitalisasi sistematik yang berpotensi bertindak sebagai pengganda optimum pada peruntukan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2021. Langkah ini akan menghasilkan pengganda hulu (*upstream*) kepada pengeluar mesin dan pengganda hiliran (*downstream*) kepada pelbagai ladang.

Memperoleh lebih banyak program Kerajaan dengan pelbagai skop yang serba guna dan akan mengurangkan keperluan PKS bagi mendekati pelbagai agensi untuk gabungan sokongan. Langkah ini juga akan membantu mengurangkan pertindihan program antara Kementerian dan agensi.

Meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian bekalan menerusi ePerolehan dan memberi insentif kepada PKS yang berintegrasi ke dalam rantaian bekalan syarikat multinasional / syarikat berkaitan Kerajaan / syarikat besar yang akan terus memperkukuh peranan PKS sebagai sumber pertumbuhan endogen.

Kerajaan perlu lebih strategik mengenai apa dan bagaimana sumber dapat dibelanjakan bagi memperoleh pulangan pelaburan yang lebih pantas dan lebih besar. Pelaksanaan langkah pemulihan dan revitalisasi dapat diambil dengan mengenal pasti industri pertumbuhan tinggi dan kawasan ideal dengan Malaysia mempunyai kelebihan daya saing. Sumber yang lebih besar juga boleh diperuntukkan untuk langkah-langkah holistik yang memenuhi keperluan sepanjang rantaian nilai bagi mengekalkan kecekapan dan daya saing. Akhirnya, langkah-langkah ini harus menyokong transformasi digital menerusi lensa kelestarian, iaitu lebih banyak sumber dan iklim yang cekap, lebih berpusat pada manusia dan lebih dipercayai.